

13 PEGAWAI KANAN TUDM DINAIKKAN PANGKAT



airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4694-13-pegawai-kanan-tudm-dinaikkan-pangkat

SUBANG, 21 Mac 19 – Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah menyempurnakan majlis pemakaian pangkat kepada 13 orang Pegawai Kanan TUDM bertempat di Bangunan Pergerakan Udara, Pangkalan Udara Subang.

Mendahului senarai, Kol Masro bin Kaliwon TUDM yang dinaikkan ke pangkat Brig Jen TUDM. Manakala Lt Kol Rozze bin Ali Rahim TUDM dinaikkan pangkat ke Kol TUDM.

Seterusnya, seramai 11 orang Pegawai Kanan berpangkat Mej TUDM dinaikkan ke pangkat Lt Kol TUDM iaitu Mej Mohd Rosli bin Sajidon TUDM, Mej See Yeap Weei TUDM, Mej Kok Choon Kiam TUDM, Mej Ir Khairul bin Ayop TUDM, Mej Zainal Abidin bin Abd Aziz TUDM, Mej Mohd Khairul Anuar bin Ibrahim TUDM, Mej Anuar bin Jamaludin TUDM, Mej Kamisah bt Salimin TUDM, Mej Vachiral Ratanaphan a/l Ban Teang TUDM, Mej Radin Saiful Affendi bin Radin Tahir TUDM dan Mej Yusrizal bin Zain TUDM.

Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Udara, Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM, Panglima Operasi Udara Lt Jen Dato' Sri Hj Abdul Mutualib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM dan pegawai-pegawai kanan TUDM.





